

**SUKATAN PEPERIKSAAN PENILAIAN
TAHAP KECEKAPAN 2 (TK 2) BAGI
PEKERJA RENDAH AWAM (PRA) GRED R1**

1. MATLAMAT PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

Tahap Kecekapan 2 (TK2)

- i. berpengetahuan dalam prinsip-prinsip pentadbiran , perkhidmatan, tatacara diri dan etika sosial,
- ii. Berupaya memahami bidang tugas jawatannya selaras dengan peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan

2. TUJUAN PENILAIAN

Untuk menguji kebolehan dan kecekapan pegawai sebagai salah satu syarat anjakan gaji dan/ atau bagi dipertimbangkan ke gred yang lebih tinggi.

3. PEGAWAI YANG LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN INI

- i. Pekerja Rendah Awam Gred R1 yang sedang berada diperingkat Gaji P2.
- ii. Diperakui oleh Ketua Jabatan.

4. KANDUNGAN PENILAIAN

Bidang penilaian adalah merangkumi aspek Pengetahuan, Nilai-nilai Peribadi dan Kemahiran.

5. KOMPETENSI YANG DINILAI

5.1 Pengetahuan

5.1.1 Pengurusan Personel (Perintah Am)

- Syarat-syarat am lantikan dan perkhidmatan
- Elaun-elaun dalam perkhidmatan
- Cuti yang diberi kerana perkhidmatan
- Kelakuan dan Tatatertib
- Rawatan perubatan untuk pegawai
- Waktu bekerja dan lebih masa

5.1.2 Maklumat Organisasi

- Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993),
- Visi/Misi, Struktur Organisasi, Objektif/fungsi Jabatan
- Pengurusan Atasan Jabatan

5.1.3 Peranan dan Tanggungjawab

- Tugas Pekerja Rendah Awam Khas
- Membersih dan menarik rantai semasa mengukur jarak garis bancian dan garis tapak.
- Membuka dan menutup petak bancian.
- Membersih dan menarik rantai semasa mengukur jarak sempadan lesen.
- Menanda pokok.
- Menabung dan menyelenggara anak-anak benih pokok.
- Memotong akar dan pepanjat.
- Menanam pokok bagi projek tanaman mengaya.
- Menjalankan kerja rawatan ladang hutan.

5.2 Nilai-Nilai Peribadi

5.2.1 Keterampilan diri

- Berpakaian kemas dan sesuai dengan kerja.
- Sopan dan berbudi bahasa

5.2.2 Displin dan pengurusan masa

- Menepati waktu bertugas
- Mendengar dan mengikut arahan pegawai atasan.
- Menghormati rakan-rakan dalam pasukan.
- Sanggup bertugas lebih masa

5.2.3 Komunikasi/ interpersonal

- Keupayaan bercakap dengan jelas
- Boleh memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada yang lain.
- Menggunakan panggilan yang betul kepada pegawai-pegawai yang berpangkat

5.2.4 Menghormati rakan sejawat dan ketua

- Melayan rakan sejawat dengan baik
- Menghormati arahan ketua

5.3 Kemahiran

5.3.1 Asas teknikal menjalankan kerja

- Peralatan asas kerja yang dibawa (parang)
- Membersih garis banciaan dan garis tapak mengikut spesifikasi.
- Membuka dan menutup petak banciaan mengikut saiz petak banciaan.
- Menarik rantai mengikut kaedah ukuran tanah.
- Mengecat pokok saksi mengikut spesifikasi (warna, lebar, kedudukan cat)
- Menabung dan menyelenggara anak benih mengikut panduan dan peraturan.
- Menanam pokok mengikut peraturan dan spesifikasi.
- Menjalankan kerja rawatan ladang hutan mengikut panduan dan spesifikasi.
- Menjalankan kerja penyelenggaraan di Hutan Lipur.

5.3.2 Aspek keselamatan semasa menjalankan kerja.

- Cara pemakaian semasa kerja.
- Alat-alat kerja dijaga dengan selamat dan boleh digunakan.
- Tindakan untuk menjaga keselamatan rakan-rakan lain dalam pasukan.
- Tindakan yang perlu sekiranya berlaku kemalangan.
- Pematuhan kepada peraturan

5.3.3 Selok belok kerja

- Mengenal jenis-jenis peralatan yang digunakan.
- Mengenal nama jenis-jenis atau spesis pokok.

5.3.4 Kaedah dan peraturan kerja

- Membersih dan menarik rantai.
- Membuka dan menutup petak banciaan
- Mengecat pokok saksi
- Menanda pokok
- Menabung dan menyelenggara anak benih pokok.
- Memotong akar dan pepanjat.
- Menanam pokok bagi projek tanaman mengaya.
- Menjalankan kerja rawatan ladang hutan.
- Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di Hutan Lipur.

6. **Kaedah Penilaian** : Melalui Temuduga dan Pemerhatian
 Pengetahuan - Temuduga
 Nilai-Nilai Peribadi - Pemerhatian
 Kemahiran - Temuduga/Amali
7. **Markah Penilaian** : Pengetahuan - 25%
 Nilai-Nilai Peribadi - 25%
 Kemahiran - 50%
8. **Masa** : Pengetahuan - 10 minit
 Nilai-Nilai Peribadi - 10 minit
 Kemahiran - 20 minit
9. **Tahap Kesukaran Soalan** : Kefahaman dan Aplikasi
10. **Keputusan** : Aras IV - Lulus /Melepassi Tahap Kompetensi Pada aras kecermelangan;
 Aras III - Lulus/Melepassi Tahap Kompetensi;
 Aras II - Lulus Bersyarat
 Aras I - Tidak Melepassi Tahap Kompetensi
11. **Pengecualian** : Tiada pengecualian.
12. **Pemeriksa Dilantik Oleh** : Panel Peperiksaan,
 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
13. **Bahasa (Soalan dan Jawapan)** : Bahasa Melayu.
14. **Permohonan Dikemukakan Kepada** : Urusetia Peperiksaan , JPSM
15. **Penentuan Calon Untuk Dinilai** : Ditentukan Oleh Ketua Jabatan (Negeri/Unit)
16. **Pusat Penilaian Akan Ditetapkan Oleh** : Urusetia PTK JPSM
17. **Kekerapan Penilaian** : Sekali Setahun
18. **Tarikh Akhir Mengemukakan Permohonan** : 11/2 bulan sebelum tarikh penilaian.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

1. Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993),
2. Kitab Ilmu Pokok-Pokok
3. Kod Amalan Pengusahaan Hutan Darat Asli di Semenanjung Malaysia.
4. Kod Amalan Pengusahaan Hutan Paya Laut di Semenanjung Malaysia.
5. Manual Perhutanan Semenanjung Malaysia. 1953. Pindaan 1995. JPSM.
6. Manual Kerja Luar Sistem Pengurusan Memilih.
7. Manual Pengurusan Tapak Semaian Pokok Hutan Di Semenanjung Malaysia.
8. Pocket Checklist of Timber Trees. 1999. FRIM, Kuala Lumpur.
9. Senarai Tugas
10. Ukuran Tanah, JPSM. 1963, Kuala Lumpur.